

4 JAN 1996

Mahathir - Pelancongan

SEDIAKAN KEMUDAHAN DI KAWASAN PELANCONGAN UNTUK DAPAT UNTUNG

ALOR SETAR, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kawasan pergunungan yang hendak dimajukan untuk tujuan pelancongan perlu dilengkapi dengan kemudahan tertentu supaya dapat memberi pulangan kepada pelaburan yang dilakukan.

Beliau berkata bahawa untuk mendapat hasil daripada bidang pelancongan memerlukan perbelanjaan sebelum ia dapat memberi pulangan kepada pelaburan yang dilakukan.

Menurutnya, kawasan pergunungan di negara ini amat berharga dan sekiranya dimajukan secara yang maksimum ia akan memberi pulangan yang baik kepada sektor pelancongan.

"Gunung amat berharga...kalau kita tidak usahakannya secara yang maksimum kita akan rugi," katanya kepada pemberita semasa melawat kawasan pelancongan Gunung Jerai di puncak gunung itu, kira-kira 35 km dari sini hari ini.

Semasa diminta mengulas pembangunan kawasan pelancongan Gunung Jerai setinggi 1,216.8 meter itu, Dr Mahathir berkata bahawa secara umumnya beliau berpuas hati dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri dalam usaha memajukan Gunung Jerai sebagai satu kawasan tarikan pelancong.

Terdahulu, Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff, mendengar taklimat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah (PKNK), Hashim Hassan di dewan persidangan Pusat Peranginan Gunung Jerai itu.

Dalam taklimatnya, Hashim berkata, sebanyak 28 buah chalet dengan 100 buah bilik tidur akan dibina di kawasan seluas enam hektar, dengan anggaran perbelanjaan antara RM12 juta dengan RM15 juta di puncak gunung itu.

Perdana Menteri yang turut diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali kemudian dibawa meninjau beberapa buah chalet yang sedia ada serta beberapa kemudahan yang terdapat di situ termasuk sebuah masjid sebelum dibawa melawat Muzium Perhutanan di gunung itu.

Selepas itu, Dr Mahathir kembali ke Alor Setar untuk melawat Menara Alor Setar di Kompleks Pekan Rabu sebelum pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Menara Alor Setar di lebuh raya Darul Aman itu adalah menara telekomunikasi setinggi 165.5 meter -- yang kedua tertinggi di negara ini selepas Menara Kuala Lumpur -- yang dibina oleh Telekom Malaysia Bhd pada harga RM40 juta.

Kemudahan yang disediakan di menara itu, yang menjadi mercu tanda dan tarikan pelancong di bandar ini, adalah sebuah restoran berpusing pada ketinggian 94 meter dan dua ruang legar untuk melihat pemandangan sekitar.

Kerja pembinaan sudah siap sepenuhnya dan kini sedang menjalani proses pendawaian elektrik dan beberapa aspek mekanikal oleh Telekom Malaysia. Kerja seni taman di sekitar kawasan menara itu dijangka siap April ini.

Kompleks Pekan Rabu yang terletak di pusat bandar adalah antara mercu tanda tertua di Alor Setar. Ia merupakan pusat perniagaan bumiputera yang terkenal di negeri ini.

Kerja pengubahsuaian kompleks yang bermula November 1994 sudah selesai dengan belanja kira-kira RM3.7 juta. Ia diubahsuai ekoran cadangan Dr Mahathir yang pada zaman remajanya pernah berniaga di situ, bagi meluaskan ruang niaga dan menjadikannya lebih menarik.

Sebanyak 132 ruang niaga disediakan di kompleks itu dan setakat ini

seramai 30 peniaga sudah berpindah dari tapak sementara di hadapannya ke Blok A kompleks itu. -- BERNAMA